



JABATAN KAWALAN BANGUNAN  
(JKB) MAJLIS PERBANDARAN  
BENTONGPAHANG DARUL MAKMUR  
Tel : 09-2221148 Fax : 09-2223729

**JKB BENTONG**

KEGUNAAN PEJABAT

Diterima Oleh:  
Tarikh:

**BORANG SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN  
KERJA PEMBINAAN LEBIH MASA**

TAJUK CADANGAN:

NO. RUJUKAN : .....  
NO. TELEFON : .....  
TARIKH : .....  
EMAIL : .....  
DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :-

BIL	PERKARA-PERKARA YANG DISEMAK	SILA TANDAKAN (√, X, TB)	UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
1	Surat Permohonan Rasmi dari Perunding Berdaftar		
2	1 set pelan lokasi kerja pembinaan lebih masa		
3	Laporan kaedah pengurangan/pengawalan pencemaran bunyi bising dan getaran dari kerja-kerja pembinaan		
4	Laporan kaedah pengurangan pencahayaan di tapak bina pada waktu malam		
5	Surat persetujuan penduduk (sekiranya perlu)		
6	Penyediaan Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina (Construction Site Hotline)		
7	Pelan pengawalan laluan kenderaan keluar/masuk tapak bina		
8	Pelan pengawalan kebersihan di tapak bina		
9	Program kerja		
10	KEPERLUAN DOKUMEN		
	a) SALINAN Surat Hakmilik Tanah(geran), Surat Perjanjian Sewa/Beli dan surat carian Rasmi.		
	b) 1set gambar tapak terkini (paper A4/A3 saiz dilipat kepada A4) – lengkap bertarikh dan disahkan/ditandatangani oleh pemohon		
	c) Surat Akujanji agar mereka mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan		

**Nota : √-ADA, X-TIADA & TB – TIDAK BERKAITAN**

**UNTUK DIISI OLEH PERUNDING**

Saya mengesahkan bahawa pelan dan dokumen yang dikemukakan adalah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis

Tandatangan : .....

Nama : .....

Cop Rasmi : .....

Tarikh : .....

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT :**

Ulasan :

1. Dokumen-Dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan boleh diproses.

2. Dokumen-Dokumen yang dikemukakan tidak lengkap dan perlu mematuhi.

3. Lain-lain Ulasan : .....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh Diterima : .....

Pegawai yang menyemak : .....  
(Cop dan tandatangan pegawai)

NOTA:

***\*Jabatan Kawalan Bangunan berhak menolak permohonan tuan sekiranya syarat-syarat ini tidak dipatuhi.***

## 1.0 WAKTU KERJA BIASA BARU DI TAPAK BINA

- 1.1 Waktu kerja biasa adalah seperti berikut :-
- |                       |   |                                    |
|-----------------------|---|------------------------------------|
| Hari Isnin – Sabtu    | - | 7.00 pagi – 7.00 petang (12jam)    |
| Hari Ahad & Cuti Umum | - | Tidak dibenarkan sebarang aktiviti |
- 1.2 Walaubagaimanapun pihak kontraktor perlu mematuhi semua syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh agensi :
- i. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
  - ii. Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
  - iii. Undang-Undang Buruh Malaysia (Labour Law Malaysia)
  - iv. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- 1.3 MPB berhak untuk mengenakan sekatan waktu kerja sekiranya terdapat aduan kacau ganggu penduduk atau lalu lintas.

## 2.0 KERJA-KERJA DI LUAR WAKTU BIASA

- 2.1 Kerja-kerja luar waktu biasa adalah seperti berikut :-

### Permohonan Waktu Kerja Tambahan

- |                              |   |                                    |
|------------------------------|---|------------------------------------|
| Hari Isnin Hingga Hari Sabtu | - | 7:00 petang – 10:00 malam (3jam)   |
| Hari Ahad dan Cuti Am        | - | Tidak dibenarkan sebarang aktiviti |

### Permohonan Kebenaran Menjalankan Kerja-Kerja Kritikal Secara Berterusan

- |                              |   |  |
|------------------------------|---|--|
| Hari Isnin Hingga Hari Sabtu | - | Tempoh kerja berterusan berdasarkan permohonan |
| Hari Ahad dan Cuti Am        | - | Tidak dibenarkan sebarang aktiviti             |

- 2.2 **Permohonan waktu kerja tambahan dari 7:00 petang hingga 10.00 malam pada hari biasa dan Permohonan kebenaran menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan** boleh dipertimbangkan dengan syarat pemaju atau kontraktor mematuhi kriteria yang ditentukan. Pematuhan kriteria yang disyorkan untuk permohonan kerja lebih masa adalah seperti berikut :-

- 2.2.1 Mengemukakan laporan kaedah pengurangan/pengawalan pencemaran bunyi bising dan getaran dari kerja-kerja pembinaan seperti :-

- 2.2.1.1 Menyediakan Pelan Pengurusan Kawalan Bunyi Bising (Noise Management Plan). Pelan tersebut perlu merangkumi :-

Cadangan Tindakan Pengawalan (Propose mitigation measure) seperti :-

- i) Jenis mesin dan peralatan yang digunakan
- ii) Penutupan kawasan kerja dengan bahan penyerap bunyi
- iii) Menghadang aktiviti bising dengan menggunakan penghadang bunyi bising boleh alih
- iv) Mendirikan penghadang bunyi bising sebelum kerja-kerja dimulakan
- v) Strategi Perhubungan Awam untuk menangani bunyi bising
- vi) Mengadakan kerjasama yang baik dengan komuniti setempat

- 2.2.1.2 Tahap bunyi bising yang dihasilkan hendaklah dalam lingkungan yang ditetapkan dalam jadual 6 garis panduan JAS bagi kawasan tapak bina. Ringkasan Jadual 6 adalah seperti berikut :-

*Maximum Permissible Sound Levels (Percentile  $L_{10}$  And  $L_{max}$ ) Of Construction, Maintenance And Demolition Work By Receiving Land Use*

*Guideline For Environmental Noise and Control-2019 Jabatan Alam Sekitar*

Receiving Land Use Category	Noise Parameter	Day 7.00am-7.00pm	Evening 7.00am-7.00pm	Night 10.00pm-7.00pm
Residential Sensitive Areas (Note 2**)	$L_{10}$	75 dBA	70dBA	70dBA
	$L_{max}$	90dBA	85dBA	85dBA
	$L_{Aeq}$	-	-	*Note 1
Commercial, Mixed Development	$L_{10}$	80 dBA	90dBA	75dBA
Industrial	$L_{10}$	85 dBA	80dBA	80dBA

- 2.2.1.3 Laporan mingguan hendaklah dikemukakan oleh orang yang kompeten. (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tapak Bina yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja).
- 2.2.1.4 Mengemukakan laporan kaedah pengurangan pencahayaan di tapak bina pada waktu malam.

2.2.2 Pemaju dikehendaki mengadakan Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina (Construction Site Hotline).

2.2.2.1 Pusat ini bertujuan untuk menerima segala panggilan dan bertindak terhadap aduan yang dikemukakan daripada orang ramai terhadap suatu pembinaan agar penyelesaian masalah tapak bina dapat datasi segera.

2.2.2.2 Perkara-perkara yang perlu disediakan oleh pemaju atau kontraktor untuk tujuan ini adalah seperti berikut :-

- i. Menyediakan Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina yang dilengkapi dengan kemudahan talian telefon yang boleh dihubungi 24jam 7 hari seminggu.
- ii. 2 talian telefon terdiri dari telefon tetap dan telefon bimbit.
- iii. Menyediakan kemudahan faksimili
- iv. Sekurang-kurangnya 2 orang pegawai pada sepanjang masa dan mempunyai kuasa mengambil tindakan di tapak bina.
- v. Menyediakan papan pemberitahuan kepada orang awam di pintu masuk/keluar beserta nombor telefon Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina dan juga nombor talian 'Call Centre' MPB sebagai pilihan jika aduan tidak dapat dibuat.

2.2.2.3 Mengemukakan laporan cara pengawalan laluan kenderaan keluar/masuk tapak bina.

2.2.2.4 Mengemukakan laporan cara pengawalan kebersihan ditapak bina

2.2.2.5 Permohonan hendaklah melalui PSP

2.2.3 Mengemukakan persetujuan penduduk

2.2.3.1 Pihak pemaju hendaklah memperolehi persetujuan dari penduduk sekitar sekurang-kurangnya 85% dari jumlah penduduk sekitar.

2.2.3.2 Persetujuan penduduk hendaklah diperolehi secara bertulis melalui kesatuan penduduk, JMB dan MC.

### 3.0 PROSEDUR & PROSES

3.1 Bagi Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP) yang ingin memohon bekerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan, mereka boleh memohon melalui kaunter Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Bentong, 28700 Bentong.

3.2 Pemohon perlu mengisi borang Permohonan Lanjutan Masa Bekerja dan Kemuka borang bersama Laporan Pelan Pengurusan Kawalan Bunyi Bising (Noise Management Plan) yang terdiri daripada :

- Laporan kaedah pengurangan/pengawalan pencemaran bunyi bising dan getaran dari kerja-kerja pembinaan

- Laporan kaedah pengurangan pencahayaan di tapak bina pada waktu malam
  - Surat persetujuan penduduk
  - Cadangan mengadakan Pusat Panggilan Aduan Tapak Bina (Construction Site Hotline)
  - Pelan pengawalan laluan kenderaan keluar/masuk tapak bina
  - Program kerja
- 3.3 MPB akan membentangkan permohonan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC), bagi menentukan pembangunan tersebut boleh melakukan kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan. Pemohon akan dimaklumkan berkenaan keputusan mesyuarat secara bertulis oleh MPB.
- 3.4 Surat kebenaran kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan adalah bersifat sementara dalam tempoh yang dibenarkan. Kerja-kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan tidak boleh dilakukan setelah tempoh kebenaran tamat. Pemohon perlu mengemukakan permohonan semula untuk pertimbangan.
- 3.5 Permohonan perlu dibuat 2 minggu sebelum kerja-kerja di luar waktu biasa atau menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan dijalankan.
- 4.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN
- 4.1 Sekiranya pihak kontraktor atau pemaju melanggar :-
- i. Waktu kerja yang ditetapkan atau ;
  - ii. Menjalankan kerja-kerja kritikal secara berterusan tanpa kebenaran;
  - iii. Tahap bunyi bising melebihi yang ditetapkan dalam garispanduan JAS
- 4.2 Tindakan penguatkuasaan adalah :-
- 4.2.1 Notis kesalahan di bawah Seksyen 70(12)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan tawaran kompaun kesalahan dibawah seksyen yang sama dengan dengan maksima RM 25,000.00.
- 4.2.2 Sekiranya kesalahan berulang dan melibatkan aduan kacau ganggu kepada penduduk sekitar arahan dibawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan dikeluarkan dengan arahan menutup tapak bina dan/atau memberhentikan kerja-kerja yang menjadi punca kacau ganggu tersebut. Pembukaan semula tapak bina atau memulakan semula kerja tapak bina adalah tertakluk kepada kelulusan MPB.
- 4.2.3 Sekiranya kesalahan ini berulang melebihi 3 kali dalam tempoh 1 bulan, kertas perakuan akan disediakan dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC), MPB untuk keputusan tindakan selanjutnya.
- 4.2.4 Bagi projek yang tertakluk kepada Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) Jabatan Alam Sekitar (JAS), aduan kacau ganggu bising atau alam sekitar akan dirujuk kepada JAS untuk tindakan selanjutnya dibawah Seksyen 34(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Notis dibawah UUK 10, Undang-Undang Kecl Kerja Tanah MPB 1998 bagi kerja-kerja cerucuk yang mengakibatkan kacau ganggu bunyi.